

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

SEDIAAN-SEDIAAN LEVODOPA



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



Adding years of healthy life



SINGHEALTH / PIL / M109R0



MENGENAL ubat anda

Sediaan-sediaan levodopa datang dalam bentuk kombinasi dengan benserazide atau carbidopa. Ubat ini digunakan dalam rawatan penyakit Parkinson. Mereka bertindak untuk meningkatkan kawalan otot serta membenarkan pergerakan normal badan.

BAGAIMANA untuk saya mengambil ubat?

Berdasarkan pada keterukan keadaan anda, doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Sediaan-sediaan levodopa dimulakan dengan dos yang rendah dan dengan beransur-ansur dos akan dipertingkatkan untuk mencapai keputusan yang memuaskan. Ini adalah penting untuk mengikut masa serta selang masa dos yang tetap untuk mengekalkan kesan-kesan ubat. Sediaan-sediaan levodopa paling baik diambil dalam perut kosong. Namun, ubat ini boleh juga diambil dengan makanan jika kepedihan perut berlaku.

Arahan khas:

Tablet dispersible patut disebar di dalam air dan diambil dalam masa setengah jam selepas pelarutan tablet. Kacaukan larutan sebelum minumkannya.

Tablet berlepasan terkawal patut ditelan sepenuhnya tanpa mengunyah atau menghancurkannya.

Sesetengah pesakit perlu mengambil ubat untuk beberapa minggu atau bulan sebelum kesan penuh ubat dicapai. Jangan menghentikan pengambilan ubat walaupun anda berasa ubat ini tidak bertindak.

Sila berikan perhatian terhadap nama dan kekuatan sediaan yang anda sedang ambil untuk mengelakkan kekeliruan kerana dos-dos mungkin ditukar bergantung pada keperluan anda.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk memeriksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Sesetengah kesan-kesan sampingan:

Gastrosus: Mual, muntah, kehilangan selera makan, perubahan rasa mulut, mulut berair yang melampau dan susah untuk menelan

Kardiovaskular: tekanan darah rendah (mengakibatkan kepeningan atau pitam semasa bangun daripada keadaan baring, duduk atau jongkok) dan denyutan jantung yang tidak teratur.

Sistem saraf pusat: keresahan, kegelisahan, kekeliruan, mimpi buruk, khayalan, perubahan emosi dan mental.

Neuro otot dan tulang: peningkatan getaran tangan, kekok pergerakan atau ketidakstabilan badan, pergerakan badan yang luar kawal (termasuk muka, lidah, bahu, tangan, kepala dan bahagian atas badan), keletihan/ kelemahan yang luar biasa dan rasa kebas.

Mata: Kekaburan penglihatan

Lain-lain: Kehitaman peluh, air kencing dan air liur serta susah untuk membuang air kencing

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sesetengah ubat, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda alahan terhadap sebarang ubat lain atau jika anda berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/ mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin kerana ubat-ubat ini mungkin menyebabkan rasa mengantuk atau keaburan penglihatan. Bangun dengan perlahan-lahan daripada keadaan duduk atau baring kerana pergerakan ini mungkin menyebabkan kepeningan atau pitam.

Mula membuat aktiviti-aktiviti fizikal dengan beransur-ansur walaupun terdapat kemajuan dalam simptom-simptom. Ini adalah untuk membenarkan penyesuaian terhadap perubahan keseimbangan dan penyelarasan.

Jangan hentikan pengambilan ubat dengan mendadak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, hamil atau mungkin hamil semasa khusus rawatan dengan ubat ini.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.